

KEPUASAN MAHASISWA TERHADAP KUALITI KEHIDUPAN DI KOLEJ 10, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR

Hamdan Bin Said & Mohd Nazaruddin Bin Mohd Ali
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di Kolej 10. Kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan ini ditinjau dari lapan aspek iaitu persekitaran, kemudahan dan perkhidmatan, layanan staf dan ahli jawatankuasa mahasiswa kolej kediaman, pentadbiran pejabat, keseluruhan pengalaman, pengawasan dan keselamatan, program dan aktiviti yang dijalankan, dan perkhidmatan makanan. Kajian deskriptif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 305 responden Kolej 10 yang dipilih secara rawak. Data dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) dan dapatan dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa berpuashati terhadap kualiti kehidupan di Kolej 10 dalam semua lapan aspek yang dikaji. Kajian ini juga memajukan cadangan untuk menambahbaik kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di kolej kediaman dan cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan.

Abstract: This study intended to identify students' satisfaction towards the life quality of Kolej 10. The quality of life was surveyed through eight aspects that is college environment, facilities and services, staff' and Student Committee services, office's administration, student overall experience, safety and monitoring, program and activity conducted, and food services. This descriptive study used a modified questionnaire as the research instrument, and involved randomly selected 305 Kolej 10 residents. The data were analyzed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) software and the findings were presented in the form of frequency, percentages, and mean. The findings indicated that the students were satisfied towards the quality of life at the Kolej 10 UTM in all aspects surveyed. This study also proposes suggestions to improve the quality of life at the residential college, and further study that can be carried out.

Katakunci: kepuasan mahasiswa, kualiti kehidupan

Pengenalan

Penginapan dalam kampus merupakan salah satu ciri atau aspek kehidupan para pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Pembangunan mereka dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek bukan sahaja dipengaruhi oleh persekitaran dalam bilik kuliah tetapi juga persekitaran tempat penginapan dan juga lain-lain tempat di universiti.

Pembudayaan kolej kediaman merupakan usaha untuk melahirkan para pelajar yang berdikari, berakhlak mulia, berilmu dan berketerampilan. Pembudayaan ini dilakukan melalui program-program peningkatan diri seperti ceramah-ceramah keagamaan dan kursus-kursus motivasi yang dijalankan di asrama dari masa ke semasa. Dengan ini para pelajar seharusnya menggunakan kesempatan tinggal di kolej kediaman dengan semaksimum mungkin untuk mencapai wawasan kecemerlangan akademik mereka kelak.

Pernyataan Masalah

Persekitaran yang kondusif, kemudahan dan perkhidmatan berkualiti, layanan staf dan Ahli Jawatankuasa Mahasiswa profesional, pentadbiran pejabat pengurusan cekap, pengalaman kehidupan di kampus yang

bermakna, pengawasan dan keselamatan yang tinggi mutunya, program dan aktiviti yang menarik dan mencabar, dan perkhidmatan kafeteria yang memenuhi kehendak pelanggan mampu memberikan kepuasan kepada penghuni kolej. Berasaskan masalah-masalah yang dihadapi oleh mahasiswa, pihak institusi pengajian tinggi tidak tahu sama ada mahasiswa berasa selesa tinggal di kolej kediaman atau tidak. Pihak pentadbiran universiti juga tidak mengetahui kualiti kehidupan mahasiswa di Kolej 10 yang sedikit sebanyak membawa kesan positif ataupun negatif terhadap kecemerlangan akademik dan bukan akademik pelajar mereka. Ini adalah kerana, masih belum terdapat lagi kajian yang dijalankan bagi mengenalpasti kualiti kehidupan mahasiswa di kolej kediaman di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di Kolej 10 UTM, Skudai, Johor.

Objektif Kajian

Berasaskan kepada pernyataan masalah di atas objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti persekitaran di Kolej 10.
- ii) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kemudahan dan perkhidmatan di Kolej 10.
- iii) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti layanan staf dan Ahli Jawatankuasa Mahasiswa di Kolej 10.
- iv) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti pentadbiran pejabat pengurusan di Kolej 10.
- v) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti keseluruhan pengalaman kehidupan di Kolej 10.
- vi) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti pengawasan dan keselamatan di Kolej 10.
- vii) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti program dan aktiviti yang dijalankan di Kolej 10
- viii) Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti perkhidmatan cafeteria di Kolej 10.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas yang boleh digunakan untuk menambahbaik kualiti kehidupan para siswa di Kolej 10, membantu pihak Hal Ehwal Pelajar UTM, pentadbiran Kolej 10, dan juga Jawatankuasa Kolej Mahasiswa meningkatkan kepuasan pelanggan mereka. Kepada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar hasil kajian ini dapat digunakan sebagai garis panduan untuk menyediakan pelbagai kemudahan di Kolej 10. Ini termasuklah kemudahan pengangkutan bas, padang permainan dan sebagainya. Kepada pihak pentadbir Kolej 10 untuk mempertingkatkan lagi kemudahan dan keselesaan suasana di Kolej 10. Kepada Jawatankuasa Kolej 10 diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan mereka garis panduan aktiviti pembangunan yang perlu diselitkan di Kolej 10. Kesimpulannya hasil daripada kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak university sebagai rujukan untuk dijadikan panduan dalam merangka dasar ataupun program-program tertentu untuk kepentingan mahasiswa di Kolej 10.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada semua mahasiswa yang tinggal di Kolej 10 di Universiti Teknologi Malaysia. Mengikut jadual Morgan dan Krejcie (1970) sampel kajian perlu mewakili populasi. Disebabkan Kolej 10 tersebut mempunyai seramai 897 penghuni justeru itu seramai sekurang-kurangnya 269 orang mahasiswa dipilih secara rawak sebagai sampel kajian bagi mewakili populasi yang digunakan.

Kajian ini menggunakan formula berikut:

$$S = \frac{x^2 NP (1-P)}{d^2 (N-1) + x^2 P (1-P)}$$

Di mana:

S = saiz sample

x^2 = nilai chi-square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.005 (3.841).

N = saiz populasi

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 bagi memberi saiz sampel yang maksimum)

d^2 = darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Soal selidik ini diubahsuai daripada kajian lepas yang telah dijalankan oleh Pennstate University Amerika (2006), Rhodes University South Africa (2001), Lewis And Clark College (2005), dan Central Arizona College (2004). Soal selidik digunakan kerana lebih mudah dalam pengumpulan data. Selain dari itu, soal selidik juga dapat meliputi saiz yang besar dengan kos yang sederhana.

Soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada Sembilan bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E, F, G, H dan bahagian I. Bahagian A digunakan untuk mengisi maklumat peribadi atau latar belakang responden.

Bahagian B, C, D, E, F, G, H dan bahagian I pula mengandungi 69 item yang memenuhi faktor persekitaran kolej kediaman, kemudahan dan perkhidmatan di Kolej 10, kakitangan Kolej 10, pejabat-pejabat pengurusan Kolej 10, keseluruhan pengalaman penghidupan di kolej kediaman, pengawasan dan keselamatan di Kolej 10, program dan aktiviti di Kolej 10, dan perkhidmatan kafeteria di Kolej 10.

Soal selidik menggunakan skala yang berbeza. Bagi aspek persekitaran Kolej 10, kemudahan dan perkhidmatan Kolej 10, kakitangan Kolej 10, pentadbiran pejabat pengurusan Kolej 10, dan keseluruhan pengalaman penghidupan di kolej kediaman menggunakan skala berikut: cemerlang (A), baik (B), seperti dijangka (C), sedikit peningkatan diperlukan (D), dan lemah (E).

Manakala faktor pengawasan dan keselamatan Kolej 10, program dan aktiviti Kolej 10 serta perkhidmatan kafeteria Kolej 10 menggunakan skala berikut: Ya (A) dan Tidak (B) Responden menjawab dengan menandakan pada ruang yang disediakan bagi memenuhi pilihan mereka.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan. Kajian rintis ini telah dijalankan ke atas 35 orang mahasiswa dan mahasiswi UTM, Skudai, Johor Bahru. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item soal selidik ialah alpha cronbach 0.95. Menurut Azizi (2007), tujuan kajian rintis ini adalah untuk mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik.

Keputusan

Persekitaran kehidupan mahasiswa semasa di Kolej 10 adalah pada tahap yang berpuas hati. Ini ditunjukkan dengan suasana yang sesuai bagi pembelajaran dan waktu rehat semasa di Kolej 10. Selain itu, pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan rakan-rakan baru dan mereka menghormati hak peribadi masing-masing.

Selain itu, kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di Kolej 10 juga berada dalam keadaan yang memuaskan. Ini termasuklah perkhidmatan penyelenggaraan, pembersihan, keadaan fizikal serta tindakan susulan ke atas aduan yang dibuat. Begitu juga pelajar berpuas hati dengan perkhidmatan televisyen yang ditawarkan oleh Kolej 10 mereka.

Seterusnya, layanan yang diberikan oleh staf dan ahli jawatankuasa mahasiswa Kolej 10 juga adalah pada tahap yang memuaskan. Walaupun ahli jawatankuasa mahasiswa di Kolej 10 dan felo sedikit sukar untuk didekati namun dengan perkhidmatan cekap yang diberikan oleh kakitangan pentadbiran pejabat pengurusan di Kolej 10, pelajar dapat berbincang serta membuat aduan supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Pelajar juga didapati berpuas hati dengan pengawasan dan keselamatan di Kolej 10.

Selain itu, pelajar berpeluang untuk meyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Kolej 10. Dengan yang demikian, pelajar akan dapat menimba pengetahuan dan pengalaman dengan aktiviti yang disertai. Secara keseluruhan, pelajar bersetuju bahawa mereka mendapat pengalaman yang positif semasa tinggal di Kolej 10. Hasil kajian juga mendapati pelajar berpuas hati dengan pengawasan dan keselamatan Kolej 10, program dan aktiviti serta perkhidmatan kafeteria Kolej 10.

Perbincangan

Latar Belakang Responden (Bahagian A)

Bahagian ini sebanyak 4 item telah dikemukakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden yang dikaji iaitu seramai 305 orang. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden yang dikaji adalah terdiri daripada pelajar perdana iaitu sebanyak 96.4%. Merujuk kepada jumlah semester menetap di Kolej 10 pula, jumlah mahasiswa yang paling ramai ialah mereka yang telah menetap selama melebihi 7 semester iaitu seramai 83 orang (27.2%). Dalam item ke 3 pula menunjukkan hampir separuh responden ingin menduduki semula Kolej 10 di masa akan datang iaitu seramai 149 orang (48.9%). Ini disebabkan mereka berpuas hati dengan Kolej 10. Analisis item bahagian ini juga mendapati bahawa bilangan responden yang paling ramai ialah yang tinggal di aras 3 atau 4 di Kolej 10 iaitu seramai 109 orang (35.7%).

Perbincangan Hasil Kajian (Bahagian B)

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada borang selidik. Bahagian-bahagian yang dibincangkan adalah persekitaran tempat tinggal di Kolej 10 (Bahagian B) kemudahan dan perkhidmatan Kolej 10 (Bahagian C), AJK Mahasiswa dan kakitangan pejabat Kolej 10 (Bahagian D), pejabat pengurusan Kolej 10 (Bahagian E), pengalaman penghidupan di Kolej 10 (Bahagian F), pengawasan dan keselamatan Kolej 10 (Bahagian G), program dan aktivitiaktiviti Kolej 10 (Bahagian H), dan kemudahan kafeteria Kolej 10 (Bahagian I).

1 Persekitaran Kolej 10

Terdapat 8 item soalan berkaitan dengan persekitaran Kolej 10 telah dikemukakan kesemua itu dapat memberikan gambaran tentang persekitaran Kolej 10 yang memenuhi kehendak pelajar atau memberikan kepuasan kepada pelajar di Kolej 10. Aspek-aspek yang dilihat adalah tentang suasana pembelajaran dan juga tentang sikap pelajar terhadap suasana persekitaran di Kolej 10. Kesemua aspek ini mahasiswa berpuas hati dengan persekitaran di Kolej 10 memenuhi kehendak kualiti kehidupan.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan terdapat 3 item soalan yang berada pada nilai min tahap tinggi. Suasana waktu tidur perlu diambil kira bagi menjamin kualiti kehidupan di Kolej 10, ini kerana waktu tidur yang cukup membolehkan mahasiswa belajar dengan tenang. Selain itu, suasana pembelajaran juga perlu diberi keutamaan bagi menentukan kualiti kehidupan di Kolej 10. Tahap penghormatan orang lain terhadap hak peribadi penting kerana bagi mahasiswa ini dapat mengeratkan lagi silaturahim antara mahasiswa.

Menurut Dober (2000) seseorang lelaki boleh berjalan dengan selesa namun jarak yang dapat diliputinya bergantung kepada topografi, cuaca serta kecondongan. Wanita yang membawa bungkusan barangan pula dikatakan boleh berjalan tidak lebih daripada 600 kaki (183 meter) apabila berjalan daripada kompleks membelibelah menuju kekeretanya. Kenyataan di atas adalah sebagai panduan lokasi kolej kediaman dengan bangunan kuliah yang sesuai dan selesa.

Manakala 5 item soalan lagi berada padanilai min tahap sederhana. Mahasiswa dapat menerima suasana persekitaran di Kolej 10 dengan selesa. Daripada lapan keputusan analisis ini memberi gambaran bahawa sebahagian besar mahasiswa mempunyai sikap yang positif persekitaran Kolej 10 memenuhi kehendak kualiti kehidupan. Ini bererti mahasiswa mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menjadikan persekitaran yang kondusif, selain itu mahasiswa dapat memberi perhatian yang sepenuhnya ke atas pembelajaran. Keadaan ini telah dinyatakan oleh Carney, 2000 kemudahan Kolej 10 yang sempurna mampu menyediakan persekitaran untuk pembelajaran yang lebih cepat. Dari segi keselesaan pula, persekitaran fizikal kampus adalah kriteria penting yang menjadi tarikan kepada mahasiswa dan mempengaruhi/menentukan keselesaan mereka terhadap sesebuah institusi.

Daripada perbentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya mahasiswa berpuas hati persekitaran tempat tinggal memberi kesan positif bagi memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

2 Kemudahan dan Perkhidmatan Kolej 10

Berdasarkan daripada analisis terhadap aspek ini 12 item soalan yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di kolej 10. Aspek-aspek yang dilihat adalah perkhidmatan dan pengurusan untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti.

Hasil daripada dapatan didapati 4 item soalan berada pada nilai min tahap tinggi. Keempat-empat item itu terdiri daripada perkhidmatan pengemasan, perkhidmatan pembersihan, secara keseluruhan keadaan fizikal dan waktu melawat mahasiswa merasakan mendapat perhatian dan suatu perkara yang baik untuk mahasiswa. Jika diperhatikan pada 4 item soalan pada tahap tinggi tersebut mahasiswa berpuas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan Kolej 10. Ini boleh membantu pihak pengurusan mengekalkan prestasi kolej yang sedia memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Begitu juga dengan 8 item soalan yang berada pada nilai min tahap sederhana yang dapat membantu prestasi sentiasa berusaha menjamin kualiti mahasiswa untuk tinggal di Kolej 10.

Daripada tiga analisis ini telah menggambarkan bahawa sebahagian pihak kolej dapat memberikan kecekapan mereka dalam mengambil tindakan terhadap aduan mahasiswa dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berkualiti. Pihak pengurusan begitu perihatin dengan kemudahan yang diperlukan oleh mahasiswa. Ini tidak dapat disangkal lagi menurut Abu Hassan (1996) perkhidmatan mahasiswa perlu diintegrasikan dalam pengajian tinggi bagi memenuhi keperluan kognitif, efektif, fizikal dan sosial mahasiswa untuk membantu meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan tekanan, kemurungan, keterasingan supaya mahasiswa dapat mengalami suasana pembelajaran yang optimum dan berkualiti, serta membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka disamping menghasilkan personaliti yang dinamik dan holistik.

Daripada perbentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat memenuhi kehendak mahasiswa dalam menentukan kualiti kehidupan di Kolej 10.

3 Layanan oleh Staf dan AJK Mahasiswa

Berdasarkan daripada analisis terhadap aspek ini 14 item yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran layanan yang diberikan oleh staf dan ahli jawatankuasa mahasiswa dapat memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10. Aspek-aspek dilihat adalah tentang sikap kakitangan dan AJK Mahasiswa untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti. Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan layanan yang diberikan oleh staf dan ahli jawatankuasa mahasiswa memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

Hasil daripada dapatan didapati 11 item soalan berada pada nilai min tahap kepuasan sederhana. Ini menunjukkan layanan kakitangan dan AJK Mahasiswa Kolej 10 adalah baik. Daripada keputusan analisis ini memberi gambaran bahawa perhubungan baik antara mahasiswa dengan kakitangan dan AJK Mahasiswa di mana mahasiswa dapat menyampaikan atau meluahkan apa-apa permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa.

Walaupun begitu ada juga para siswa yang tidak berpuas hati dengan felo yang susah untuk bawa berbincang, jika ini berlaku bagaimana felo dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mahasiswa lebih dekat lagi. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Garland (1990) menganggap felo ialah sebagai seorang ahli disiplin, ada yang menyatakan bahawa felo adalah seorang yang memastikan bahawa mahasiswa mendapat segala kemudahan yang diperlukan dari masa ke semasa, ada pula yang menganggap felo sebagai penyelar program mahasiswa supaya sesuai dengan objektif Fakulti, Universiti dan mahasiswa sendiri. Bagaimanapun perkara ini tidaklah terlalu kritikal bagi mahasiswa untuk meneruskan pembelajaran ataupun kehidupan di kolej kediaman kerana mahasiswa lebih memerlukan rakan untuk mempengaruhi pembelajaran seseorang itu. Ini ada persamaan dengan pendapat Sharifah Alwiah (1987) yang menyatakan persamaan dari cara-cara dan nilai rakan sebaya banyak mempengaruhi perkembangan pembelajaran seseorang individu.

Daripada keputusan analisis ini didapati majoriti mahasiswa berpuas hati dengan layanan kakitangan dan AJK Mahasiswa untuk memberikan layanan yang terbaik bagi memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

4 Pentadbiran Pejabat Pengurusan di Kolej 10.

Berdasarkan daripada analisis terhadap aspek ini 3 item soalan yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang pentadbiran pejabat pengurusan memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10. Aspek-aspek yang dilihat adalah tentang sikap pegawai pentadbiran pejabat pengurusan. Kesemua aspek-aspek ini apabila dianalisis menunjukkan mahasiswa berpuas hati dengan pentadbiran pejabat pengurusan memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan 3 item soalan yang berada pada nilai min tahap kepuasan sederhana. Kesemua mahasiswa berpuas hati dengan maklumbalas, kakitangan pejabat profesional, sopan dan berpengetahuan dan tempoh masa dan polisi.

Bagaimanapun perkhidmatan cekap serta kemesraan dan keprihatinan kakitangan kolej yang telah diberikan adalah untuk memastikan segala urusan berjalan dengan lancar. Dengan itu, mahasiswa lebih berasa selesa semasa membuat aduan atau terdapat masalah di kolej kediaman. Ini selaras dengan pendapat Zainal Ariffin Ahmad (1996) yang telah menggariskan beberapa fungsi utama kolej kediaman yang meliputi beberapa perkara, antaranya ialah menyediakan kemudahan asas asrama dan mengelolakan kebajikan mahasiswa.

Daripada perbentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya mahasiswa berpuas hati dengan pentadbiran pejabat pengurusan dapat memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

5 Keseluruhan Pengalaman Tinggal di Kolej Kediaman

Berdasarkan daripada analisis terdapat 10 item yang telah memberikan gambaran tentang keseluruhan pengalaman mempengaruhi untuk memilih tinggal di kolej kediaman. Aspek-aspek yang dinilai mengenai pengalaman mahasiswa tinggal di kolej kediaman. Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan keseluruhan pengalaman mahasiswa mempengaruhi untuk memilih tinggal di kolej kediaman.

Hasil daripada dapatan didapati terdapat 4 item soalan berada pada nilai min tahap tinggi. Majoriti mahasiswa berpuas hati mengatakan menetap di Kolej 10 mahasiswa berpeluang untuk bertemu dan berkenalan dengan rakan-rakan baru, disamping itu juga maklumat tentang kehidupan di kolej serta penghormatan dan menghargai perbezaan budaya masing-masing. Bagaimanapun pengalaman dan kebebasan yang diperolehi bila mana seseorang remaja itu berada di luar pengawasan keluarga memberi kelaianan dalam membentuk sikap mahasiswa. Jika kelompok yang dianggotai itu adalah kelompok yang baik maka peribadi yang terbentuk juga akan baik dan begitulah sebaliknya (Manja Mohd Ludin, 1992)

Hasil daripada dapatan didapati terdapat 6 item soalan berada pada nilai min tahap sederhana. Perkara ini walaupun pihak pengurusan tidak harus beri perhatian akan tetapi seharusnya dibuat peningkatan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Daripada perbentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya pengalaman tinggal di kolej kediaman mempengaruhi untuk mahasiswa memilih tinggal di Kolej 10 dan setiap kakitangan perlu memberi layanan yang terbaik dan sopan.

6 Pengawasan dan Keselamatan di Kolej 10

Berdasarkan daripada analisis terhadap aspek ini 6 item yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang keseluruhan pengawasan dan keselamatan memenuhi kehendak kehidupan di Kolej 10. Aspek-aspek yang dilihat adalah mengenai pengawasan dan keselamatan. Kesemua aspek-aspek ini apabila dianalisis menunjukkan mahasiswa berpuas hati keseluruhan pengawasan dan keselamatan memenuhi kehendak kehidupan di Kolej 10.

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti mahasiswa merasakan pengawasan dan keselamatan di Kolej 10 lebih selamat dan merasakan terjamin apabila keluar atau pun masuk ke kolej, dengan pencahayaan lampu yang mencukupi di Kolej 10 akan membuatkan penghuni merasa lebih selamat dan sedikit sebanyak akan menjauhkan anasir-anasir yang tidak diingini. Begitu juga dengan kakitangan yang bersedia memberi perkhidmatan 24 jam untuk menghadapi sebarang kecemasan.

Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan pihak kolej kediaman dan universiti terhadap keselamatan mahasiswa. Ini selaras dengan pendapat Zainal Ariffin Ahmad (1996) yang telah menggariskan salah satunya fungsi utama kolej kediaman di universiti yang dipantau oleh pihak pengurusan kolej iaitu untuk memastikan keselamatan pelajar dan kolej kediaman.

Daripada perbentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya mahasiswa berpuas hati dengan pengawasan dan keselamatan memenuhi kehendak kehidupan di Kolej 10. Selain itu pegawai dan kakitangan universiti perlulah lebih prihatin dalam membekalkan maklumat kepada penghuni Kolej 10 mengenai keselamatan, pengawasan dan langkah-langkah kecemasan.

7 Kepuasan Terhadap Program dan Aktiviti di Kolej 10.

Berdasarkan daripada penganalisan terhadap aspek ini 7 item yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang keseluruhan kepuasan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan memenuhi kehendak kualiti kehidupan. Aspek-aspek yang dilihat adalah mengenai kepuasan terhadap program di Kolej 10. Kesemua aspek-aspek ini apabila dianalisis menunjukkan mahasiswa berpuas hati dengan kepuasan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10.

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti mahasiswa merasakan pelajar berpeluang untuk menyertai dalam aktiviti-aktiviti anjuran Kolej 10. Dengan aktiviti yang dijalankan, mahasiswa berpeluang bukan sahaja menjadi ahli jawatankuasa aktiviti tetapi juga dapat berkenalan dan berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain.

Merancang program dan aktiviti-aktiviti kolej adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan. Ini disokong oleh Zainal Ariffin Ahmad (1996), menyatakan salah satu fungsi utama kolej kediaman adalah menyediakan aktiviti-aktiviti untuk penghuninya. Namun begitu, pelaksanaan tugas tersebut dalam merealisasikan aspirasi dan hasrat universiti bukanlah merupakan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan komitmen dan iltizam yang tinggi dan berterusan agar kualiti program dan aktiviti-aktiviti dapat dicapai dalam menyediakan sebuah kehidupan yang berkualiti kepada para siswi di kolej kediaman.

Daripada pembentangan hasil analisis di atas dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya kepuasan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10. Dengan yang demikian, mahasiswa juga mendapat kepuasan terhadap aktiviti-aktiviti dan pengalaman pengalaman yang direka bagi membantu membina rasa hormat kepada diri sendiri, orang lain, harta benda, dan sifat melayan semua penghuni Kolej 10 dengan adil.

8 Kepuasan Perkhidmatan Makanan di Kafeteria Kolej 10.

Berdasarkan daripada analisis terhadap aspek ini 9 item soalan yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang kepuasan perkhidmatan makanan di kafeteria memenuhi kehendak kualiti kehidupan di Kolej 10. Aspek-aspek yang dilihat adalah kepuasan perkhidmatan makanan untuk menjamin kualiti penyediaan makanan di kafeteria Kolej 10.

Kemesraan dan layanan kakitangan kafeteria yang baik serta suasana persekitaran yang baik membuatkan mahasiswa merasa selesa semasa setiap kali mengunjunginya. Waktu operasi kafeteria yang bersesuaian dengan budaya belajar mahasiswa universiti juga, dapat memudahkan mereka mendapatkan keperluan makanan walaupun pada lewat malam. Ini kerana mahasiswa sering belajar dan membuat perbincangan tugas hingga ke lewat malam. Oleh itu, dengan waktu operasi yang bersesuaian, tiada sebab pelajar meninggalkan hidangan yang sepatutnya diambil. Ini selaras dengan pendapat Tribole (1996) yang

menyatakan ada pelajar yang terpaksa meninggalkan satu atau dua hidangan utama bagi memberi laluan kepada tugas-tugas.

Oleh itu, disebabkan kekangan masa dan tugas yang banyak, adalah penting bagi mahasiswa untuk mendapatkan keperluan makanan dengan cara yang paling mudah dan pantas. Keperluan hidangan menu yang disediakan juga dapat mengelakkan rasa jemu.

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti majoriti mahasiswa mengatakan berpuas hati dengan perkhidmatan makanan di kafetaria Kolej 10. Bagi mereka pengurus haruslah memberi layanan yang berkualiti dalam penyediaan makanan ini ditambah pula dengan kenyataan Aishah Hamzah (2002) adalah menjadi tanggungjawab pengurus dan pengusaha makanan untuk menghidangkan makanan yang berkualiti serta memberi layanan yang baik dan bersopan dengan tempat makan yang bersih dan dengan harga jualan yang berpatutan.

Rumusan

Rumusan yang boleh dibuat terhadap kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek persekitaran.
- 2 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek kemudahan dan perkhidmatan.
- 3 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek layanan staf dan AJK Mahasiswa.
- 4 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek pentadbiran pejabat pengurusan.
- 5 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek keseluruhan pengalaman kehidupan.
- 6 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek pengawasan dan keselamatan.
- 7 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek program dan aktiviti.
- 8 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej 10 dari aspek perkhidmatan kafetaria.

Rujukan

- Abu Hassan Othman (1996). *Pengurusan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Huraian Kritis. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan 1996 (SPARK 96)*. Mei 17-19. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aishah Hamzah (2002). *Teknologi Dan Perkhidmatan Katering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.18-34
- Atan Long (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya *et.al* (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*.Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Best, J. W. and James (1989) .*Research In Education*. Six Edition. New:Prentice Hall.United Kingdom
- Blimling, G. (1999). *The Resident Assistant Fifth Edition*. United States of America: Kendall/ Hunt Publishing Company.

- Burton, R. (1977). *Leisure and the Social Services*, in H. M. S. O. *Leisure and the Quality of Life: A Report on Four Local Experiments*. London.
- Buku Peraturan Aktiviti Pelajar (2007). Universiti Teknologi Malaysia Chikering A.W.(1969). *Education and Identity*. San Francisco: Jossey - Bass
- Dober Richard P. (2000). *Campus Landscape:Function, Forms, Features*. NewYork.
- Drewnowski, J. (1974). *On Measuring and Planning the Quality of Life*. The Hague.
- Dalkey, N.C. and Rourke, D. L. (1973). *The Dephi Procedure and Rating Quality of Life Factors*, in *Experimental Assessment of Delphi Procedures with Group Value Judgments*. Rand Corporation Carlifonia.
- Ee, Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan 2 (Semester 2)*. Shah Alam:Fajar Bakti
- Garland, Peter H.(1990). *Serving More Than Student*. A Critical Need for College Personnel Services. Association for The Study of Higher Education. Chicago.
- Habibah Elias, Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Personaliti*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaludin Mohd Yatim, Nordin Othman dan Ramli Ibrahim (1996). *Program Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Tinjauan di Universiti Teknologi Malaysia. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK)*. Mei 17-19. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan (1999). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Kasim (1998).*Pengurusan kolej kediaman : peranan pentadbiran kolej, felo,jawatankuasa kolej mahasiswa dalam menjayakan program pembangunan pelajar. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK)*. Mei Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Knirk, Frederick G (1979). *Designing Productive Learning Environment*.Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology
- Low Ai Non (1996). *Hubungan Antara Minat, Galakan Ibu Bapa dan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Matematik di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and Personality*. New York.